




Anda mungkin mampu pulih
dari penyakit kritikal

Tetapi mampukah anda
mengharungi tempoh
pemulihan **tanpa sumber
pendapatan?**

Pelan penyakit kritikal membantu memastikan
aliran pendapatan anda terus terjamin ketika
anda tidak mampu bekerja.

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad 198301008983 (104248-X)
Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia
Ahli PIDM

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI/PRODUK INI ADALAH
TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU.
Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



Bolehkah tempoh pemulihan
menjejaskan pendapatan,
simpanan persaraan dan
masa depan kewangan
keluarga anda?

Kira-kira 1 daripada 5 rakyat Malaysia berisiko menghadapi Penyakit Kritikal sepanjang hayat mereka. Bersedialah dari sekarang dengan perlindungan yang tepat agar anda boleh fokus untuk sembuh, sambil memastikan gaya hidup dan masa depan yang telah dibina dengan susah payah terus terpelihara.

*Berdasarkan Registri Kanser Kebangsaan Malaysia, 2017 hingga 2021 (dianggarkan kira-kira 1 daripada 8 individu menghidap kanser sebelum mencapai usia 75 tahun).

Pelan perubatan membantu melindungi kos rawatan. Namun, kos pemulihan juga perlu diberi perhatian.

 Konsultasi Pakar	 Dilindungi oleh Pelan Perubatan
 Ujian & Imbasan Perubatan	
 Kemasukan ke Hospital & Rawatan	
 Konsultasi Susulan Pakar (selepas keluar dari hospital)	

<u>Anggaran Kos Pemulihan:</u>	Tidak dilindungi / Dilindungi sebahagiannya oleh Pelan Perubatan (tertakluk pada kelayakan manfaat anda)  Disertakan dengan manfaat Pelan Penyakit Kritikal melalui bayaran tunai secara sekaligus
 Fisioterapi & Rehabilitasi RM80 - RM300 (setiap konsultasi)	
 Pengurusan Pemakanan RM50 - RM350 (setiap konsultasi)	
 Sewaan Kerusi Roda RM80 - RM150/sebulan	
 Penjaga Profesional RM3,000 - RM5,000/sebulan	
 Penjagaan Kejururawatan di Rumah RM4,000 - RM7,000/sebulan	

Apa yang tidak dilindungi oleh Pelan Perubatan, boleh dibantu melalui HealthCover Prime.

Ketahui bagaimana Pelan Penyakit Kritikal

dapat membantu anda melalui bayaran tunai sekaligus.

Kehilangan Pendapatan dan Simpanan



- Tiada pendapatan semasa cuti sakit yang berpanjangan dan simpanan semakin berkurangan.
- Aliran tunai atau pengurusan perniagaan boleh terjejas.

Komitmen Kewangan Berterusan



- Ansuran pinjaman perumahan atau kenderaan.
- Ansuran pinjaman dan bayaran kad kredit.

Perbelanjaan Isi Rumah dan Sara Hidup



- Barangan runcit dan keperluan harian
- Bil utiliti
- Perbelanjaan penjagaan atau persekolahan anak
- Tanggungan ahli keluarga

Nota:
Anggaran kos pemulihan adalah berdasarkan sumber-sumber berikut
[PhysioNear.com](#) 'How Much Does Physiotherapy Cost in Malaysia? (2026 Price Guide)'
[ColumbiaAsia.com](#) 'Diet Consultation Package', [LivHospital.com](#) 'Renal Nutrition Price Comparison'
[SunwayMulticare.com.my](#) 'Medical Equipment Rental Malaysia — Complete Guide'
[Tenteram.my](#) 'Upah Jaga Orang Tua di Rumah 2026: Panduan Kos Lengkap'



HealthCover Prime

- Untuk proses pemulihan. Untuk meneruskan kehidupan selepas diagnosis.

Apabila didiagnosis dengan Penyakit Kritikal, kehidupan dan kerjaya anda mungkin terjejas sementara anda menumpukan perhatian kepada proses pemulihan.

Proses pemulihan memerlukan masa. Namun, komitmen kewangan tetap perlu diteruskan. Dengan pelan insurans yang membantu menggantikan pendapatan ketika anda tidak dapat bekerja, anda boleh fokus untuk kembali sihat sambil melindungi masa depan kewangan anda.

Perlindungan Pada Setiap Peringkat Semasa Sakit dan Pemulihan.

Penyakit Kritikal boleh berkembang mengikut peringkat. Sama ada didiagnosis pada Peringkat Awal, Pertengahan atau Lanjutan, HealthCover Prime memberikan sokongan agar anda dapat memberi tumpuan kepada proses pemulihan tanpa perlu risau tentang kewangan.

Tahukah anda?

Pengesanan awal boleh meningkatkan peluang pemulihan - namun tidak semestinya mengurangkan beban kewangan.

Perlindungan Anda Tidak Seharusnya Berakhir Selepas Satu Penyakit Kritikal.

Pemulihan daripada satu penyakit tidak bermakna anda bebas daripada risiko penyakit yang lain. Dengan HealthCover Prime, anda boleh membuat tuntutan bagi kategori penyakit kritikal yang sama atau berbeza, dengan **bayaran manfaat sehingga 600%** daripada jumlah perlindungan anda ini membantu memastikan perlindungan yang berterusan apabila anda memerlukannya.

Tahukah anda?

Kemajuan dalam rawatan perubatan membantu lebih ramai individu pulih daripada penyakit kritikal dan hidup lebih lama. Namun, jangka hayat yang lebih panjang juga boleh membawa cabaran kesihatan yang baharu. Oleh sebab itu, perlindungan jangka panjang menjadi semakin penting berbanding sebelum ini.

Apabila Penyakit Kritikal Berlaku Semula

Proses pemulihan tidak semestinya berakhir selepas diagnosis yang pertama. HealthCover Prime menyediakan perlindungan tambahan sekiranya kanser, serangan jantung atau strok pada Peringkat Lanjutan berulang, bagi membantu anda menampung kos rawatan lanjut serta kehilangan pendapatan.

Tahukah anda?

Kanser, serangan jantung dan strok merupakan antara Penyakit Kritikal¹ yang paling lazim di Malaysia. Diagnosis kali kedua boleh membawa beban kewangan yang baharu.

Perlindungan Berganda untuk Kanser yang Kerap dihidap oleh Lelaki dan Wanita

Sekiranya anda didiagnosis dengan Kanser Payudara atau Kanser Prostat pada Peringkat Lanjutan, anda boleh **menerima bayaran manfaat sehingga 200%** daripada jumlah perlindungan anda bagi membantu menampung kos pemulihan serta komitmen keluarga.

Tahukah anda?

Di Malaysia, kanser payudara ialah kanser yang paling kerap berlaku dalam kalangan wanita, manakala kanser prostat ialah antara kanser yang paling kerap berlaku dalam kalangan lelaki.²

Perlindungan yang Melangkaui Penyakit Kritikal

Dengan manfaat Catch All Booster, anda boleh menerima bayaran manfaat tambahan sekiranya dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) atau dimasukkan ke hospital akibat pembedahan atau jangkitan – walaupun tanpa tuntutan Penyakit Kritikal.

Tahukah anda?

Kemasukan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) bukan hanya disebabkan oleh penyakit kritikal. Jangkitan serius, denggi yang teruk atau kecederaan kepala juga boleh menyebabkan penghospitalan yang berpanjangan serta menambah lagi beban kewangan.

Nota:

¹ Sumber:

[Gleneagles Hospitals Malaysia](#) 'Cancer on the rise in Malaysia', based on 2020 Global Cancer Observatory report Cancer Today 'New Straits Times' 'One in four Malaysians may suffer a stroke in 2040 if no preventive action taken' (Oct 2023)

[Code Blue](#) 'Age Is Just A Number: Malaysian Millennials And Gen Z At Risk of Heart Disease' (Aug 2022)

² Sumber:

Summary of The Malaysia National Cancer Registry Report 2017-2021
Cancer Matters 'Protecting the Prostate: Malaysian Men Dilemma' (Feb 2025)

Biarlah kewangan anda terus terpelihara, **ketika anda cuba pulih dari penyakit kritikal.**

Sekiranya anda didiagnosis dengan Penyakit Kritikal yang dilindungi, berikut ialah dua cara HealthCover Prime boleh menyokong anda sepanjang proses pemulihan.

Situasi 1: Apabila Perlindungan Berganda Paling Diperlukan

Maria (35 tahun)

- Pengurus Acara
- Ibu kepada dua anak
- Menjaga ibu bapa yang berusia

Jumlah Perlindungan:
RM350,000



1

Perlindungan untuk Orang Tersayang

Maria bekerja sebagai Pengurus Acara dengan pelbagai tanggungjawab. Di sebalik kerjayanya, Maria juga membesarkan dua orang anak dan menjaga ibu bapa yang semakin berusia. Walaupun mempunyai perlindungan perubatan untuk kos rawatan, masih ada satu persoalan di fikirannya. Bagaimana jika dia tidak dapat bekerja sepanjang tempoh pemulihan, sedangkan keluarganya masih bergantung kepadanya?

Demi melindungi masa depan kewangan keluarganya, Maria memilih HealthCover Prime.

2

Apabila Diagnosis Mengubah Kehidupan

Beberapa tahun kemudian, Maria didiagnosis dengan Kanser Payudara Peringkat 3. Proses pemulihan dijangka mengambil masa sehingga setahun. Namun, kehidupan tetap diteruskan, sedangkan bil perubatan, perbelanjaan isi rumah dan keperluan harian masih perlu ditanggung walaupun Maria tidak dapat bekerja.

Tahukah anda?
Kanser merupakan penyebab kematian ketiga tertinggi di Malaysia.*

*Sumber: New Straits Times, 'Cancer now third leading cause of death in Malaysia.'

3

Kos Pemulihan di Luar Jangkaan

Walaupun perlindungan perubatan membantu menampung bil hospital, Maria masih perlu menguruskan pelbagai perbelanjaan harian sepanjang tempoh pemulihannya, seperti:

	Kehilangan pendapatan selama setahun kerana tidak dapat bekerja	anggaran RM5,000 sebulan
	Terapi hormon endokrin (tidak dilindungi di bawah Pelan Perubatan)	anggaran RM4,000 sebulan
	Perbelanjaan bulanan ibu bapa (makanan, utiliti dan penjagaan perubatan)	anggaran RM4,000 sebulan
	Kos penjagaan anak serta pengangkutan ke dan dari pusat jagaan	anggaran RM1,600 sebulan
RM	Jumlah perbelanjaan x 12 bulan	Anggaran RM175,200

4

Perlindungan HealthCover Prime yang Lebih Menyeluruh

Untuk **Penyakit Kritikal Peringkat Lanjutan**, Maria menerima bayaran manfaat sebanyak **100%** daripada jumlah perlingkungannya di bawah manfaat Penyakit Kritikal Berperingkat. Pada masa yang sama, dia turut menerima bayaran manfaat tambahan secara sekaligus di bawah manfaat Kanser Mengikut Jantina (Kanser Payudara/Prostat).

Manfaat Penyakit Kritikal Berperingkat (Penyakit Kritikal Peringkat Lanjutan)	RM350,000¹
Bayaran manfaat tambahan secara sekaligus (Manfaat Kanser Mengikut Jantina)	RM350,000²
RM	RM700,000 - RM175,200
	RM524,800 sebagai pengganti pendapatan

Selepas menampung kos pemulihan, Maria masih mempunyai baki yang mencukupi untuk menggantikan pendapatan yang hilang serta terus menyokong keperluan kewangan keluarganya.

5

Demi Ketenangan Hati Sepanjang Pemulihan

Dengan sokongan kewangan yang kukuh, Maria dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada proses pemulihan, sambil yakin keperluan keluarganya akan terus terjamin.

Nota:

¹ Bayaran manfaat di bawah manfaat Penyakit Kritikal Berperingkat bagi Penyakit Kritikal Peringkat Lanjutan adalah sebanyak 100% daripada jumlah perlindungan, selepas ditolak sebarang bayaran manfaat yang telah dibayar di bawah manfaat Penyakit Kritikal Peringkat Awal dan/atau Peringkat Pertengahan dalam kategori Penyakit Kritikal yang sama, termasuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari.

² Bayaran manfaat di bawah manfaat Kanser Khusus Mengikut Jantina tertakluk kepada had maksimum sebanyak 200% daripada jumlah perlindungan bagi kategori Kanser, termasuk keseluruhan bayaran manfaat yang telah dibayar di bawah manfaat Penyakit Kritikal Berperingkat, manfaat Penyakit Kritikal Berulang dan manfaat Kanser Khusus Mengikut Jantina.

Situasi 2 - Satu Krisis Tidak Menentukan Pengakhirannya

Daniel (45 tahun)

- Usahawan PKS
- Penyumbang utama pendapatan keluarga
- Berkahwin dan mempunyai tiga orang anak

Jumlah Perlindungan:
RM500,000

1 Memilih HealthCover Prime

Daniel membina perniagaannya bersama sebuah pasukan yang telah berkembang bersamanya selama bertahun-tahun. Sebagai pemilik perniagaan, dia bukan sahaja memikul tanggungjawab terhadap keluarganya malah juga terhadap pekerja yang bergantung kepada perniagaan itu.

Daniel sedar bahawa jika sesuatu berlaku kepada dia, kesannya bukan sekadar kepada pendapatannya, malah turut menjejaskan mereka yang bergantung kepada dia. Atas sebab itu, Daniel memilih **HealthCover Prime**.

2

Gejala Pertama

Suatu hari, Daniel tiba-tiba diserang pening kepala yang teruk. Selepas menjalani pemeriksaan lanjut, dia disahkan menghidap **Strok Peringkat Awal**. Mujurnya, penyakit itu dikesan lebih awal, membolehkan rawatan dimulakan dengan segera dan meningkatkan peluangnya untuk pulih dengan lebih cepat.

Bagi **Penyakit Kritikal Peringkat Awal**, Daniel menerima bayaran manfaat sebanyak **50%** daripada jumlah perlindungannya.

RM 50% × RM500,000 **RM250,000**

Bayaran manfaat ini membolehkan Daniel memberi lebih tumpuan kepada proses rehabilitasi tanpa perlu berasa bimbang tentang komitmen kewangannya.

3

Berdepan Dugaan Sekali Lagi

Setahun kemudian, Daniel sekali lagi diserang strok. Kali ini, keadaannya lebih serius sehingga disahkan sebagai **Strok Peringkat Lanjutan**. Proses pemulihannya dijangka mengambil masa yang lebih lama dan kali ini, dia memerlukan rehabilitasi yang lebih intensif.

Memandangkan HealthCover Prime melindungi Penyakit Kritikal pada pelbagai peringkat, Daniel menerima baki bayaran manfaat di bawah **manfaat Penyakit Kritikal Berperingkat**.

RM Baki 50% daripada RM500,000 **RM250,000**

Jadi, secara keseluruhannya, Daniel telah menerima bayaran manfaat berjumlah **RM500,000** bagi tuntutan stroknya.

4

Kos Pemulihan yang tidak dijangka

Bayaran manfaat ini boleh digunakan untuk menampung kos pemulihan seperti:

 Kerusi roda bermotor **anggaran RM7,000**

 Fisioterapi khusus untuk pesakit strok **anggaran RM15,600**
(RM600 seminggu × 6 bulan)

 Khidmat penjaga untuk membantu urusan harian **anggaran RM48,000**
(RM4,000 sebulan × 12 bulan)

RM Jumlah perbelanjaan **anggaran RM70,600**

Selepas menampung kos pemulihan, Daniel masih mempunyai baki bayaran manfaat untuk memastikan perniagaannya terus berjalan, mengekalkan kestabilan kewangan, serta terus menjaga mereka yang disayangnya.

RM RM500,000 - RM70,600 **RM429,400**
sebagai pengganti pendapatan

5

Apabila Dugaan Baharu Menambah Beban

Dua tahun kemudian, ketika kehidupan Daniel kembali stabil, dia sekali lagi diuji dengan satu lagi Penyakit Kritikal. Kali ini, Daniel disahkan menghidap Serangan Jantung Peringkat Lanjutan – iaitu dalam kategori Penyakit Kritikal yang berbeza daripada strok yang pernah dialaminya.

Dia memerlukan rawatan lanjut dan sekali lagi terpaksa meninggalkan perniagaannya buat sementara waktu. Satu persoalan mula bermain di fikiran. Adakah perlindungannya masih mencukupi?

Sepanjang tempoh pemulihan selepas pembedahan, Daniel tidak dapat bekerja selama enam bulan. Dalam tempoh itu, dia masih perlu menanggung perbelanjaannya seperti:



Fisioterapi rehabilitasi jantung

anggaran
RM6,000
(RM250 x 24 sesi)



Mengupah pengurus sementara untuk menguruskan perniagaan

anggaran
RM50,000



Gaji semua pekerja

anggaran
RM50,000 sebulan



Perbelanjaan untuk isteri dan anak-anak

anggaran
RM6,000 sebulan

RM

Jumlah perbelanjaan x 6 bulan

anggaran
RM392,000

Mujurnya, HealthCover Prime turut menyediakan Baki Manfaat Tuntutan Berganda (Multi-Pay) yang membolehkan tuntutan dibuat bagi Penyakit Kritikal dalam kategori yang berbeza. Oleh itu, Daniel menerima:

100% daripada jumlah perlindungan bagi **Serangan Jantung Peringkat Lanjutan = RM500,000**

Walaupun Daniel menanggung kos pemulihan dan kos meneruskan operasi perniagaan yang tinggi, dia masih mempunyai baki bayaran manfaat untuk terus menjaga keluarganya serta memastikan perniagaannya terus beroperasi

RM

RM500,000 - RM392,000

RM108,000
untuk keluarga dan pekerjaanya



6

Dugaan Keempat Membawa Daniel ke ICU

Tiga tahun kemudian, Daniel sekali lagi diserang Strok Peringkat Lanjutan. Kali ini, keadaannya menjadi semakin kritikal sehingga dia perlu menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) selama 5 hari.

Dalam saat yang sukar ini, keluarga Daniel bukan sahaja bimbang atas keadaan dirinya, malah mereka turut tertanya-tanya berapa lama lagi perniagaan yang dibinanya selama ini mampu bertahan tanpa kehadiran Daniel.

Namun, mereka berasa lega apabila mengetahui bahawa pelan HealthCover Prime milik Daniel masih memberikannya manfaat berikut:

Manfaat Berulang (Recurrence)
bagi Strok Peringkat Lanjutan

(Bayaran manfaat ialah 100% daripada jumlah perlindungan)

RM500,000

+

Manfaat Catch All Booster bagi kemasukan ke ICU selama sekurang-kurangnya lima hari
(Bayaran manfaat ialah 100% daripada jumlah perlindungan)

RM150,000

RM

Jumlah keseluruhan bayaran manfaat

(selepas ditolak perbelanjaan)

- Baki bayaran manfaat Penyakit Kritikal Peringkat Awal dan Peringkat Lanjutan
- Baki Manfaat Tuntutan Berganda (Multi-Pay)
- Bayaran Manfaat Berulang (Recurrence)
- Bayaran manfaat Catch All Booster

RM1,187,400
sebagai pengganti pendapatan

RM429,400

RM108,000

RM500,000

RM150,000

7

Perlindungan yang Berterusan Menghadapi Setiap Dugaan

Proses pemulihan tidak selalunya berjalan lancar. Itulah sebabnya HealthCover Prime menyediakan perlindungan berterusan merentasi pelbagai kategori Penyakit Kritikal dan peringkat penyakit.

Bagi seseorang seperti Daniel, bayaran manfaat ini bukan sekadar angka. Ia membantu kehidupan keluarganya, memastikan perniagaannya terus beroperasi, anak-anaknya terus mendapat sokongan, serta memberi ruang kepada keluarganya untuk menumpukan perhatian kepada proses pemulihannya tanpa dibebani kebimbangan kewangan

HealthCover Prime

MANFAAT SECARA TERPERINCI

Manfaat Mengikut Jenis Pelan

Manfaat ¹	Pelan 1	Pelan 2
1. Manfaat Penyakit Kritikal Berperingkat^{2,3} - Bayaran manfaat bagi Penyakit Kritikal Peringkat Awal & Pertengahan⁴: 50% daripada jumlah perlindungan ⁴ - Bayaran manfaat bagi Penyakit Kritikal Peringkat Lanjutan: 100% daripada jumlah perlindungan ⁵	✓	✓
2. Manfaat Tuntutan Berganda (Multi-Pay)^{6,11} Tuntutan bagi Penyakit Kritikal dalam kategori yang sama atau berbeza, tertakluk kepada had maksimum 100% daripada jumlah perlindungan bagi setiap kategori Penyakit Kritikal.	✓	✓
3. Manfaat Berulang (Recurrence)^{7,11} Bayaran manfaat tambahan sebanyak 100% daripada jumlah perlindungan bagi kanser, strok atau serangan jantung Peringkat Lanjutan yang berulang.	-	✓
4. Manfaat Kanser Khusus Jantina^{8,9,11} Bayaran tambahan sekali sahaja sebanyak 100% daripada jumlah perlindungan bagi Kanser Payudara Peringkat Lanjutan (Wanita) atau Kanser Prostat Peringkat Lanjutan (Lelaki).	-	✓
HAD MAKSIMUM BAYARAN^{8,9} BAGI MANFAAT 1 - 4	400%	600%

5. Manfaat Catch All Booster^{10,11}
Bayaran tambahan sekali sahaja sebanyak **35%** daripada jumlah perlindungan bagi **kemasukan ke hospital** dan ICU, tertakluk kepada had maksimum RM150,000 bagi setiap hayat, tempoh kemasukan yang ditetapkan, serta tertakluk kepada syarat bahawa Hayat Yang Diinsuranskan masih hidup sekurang-kurangnya empat belas (14) hari dari hari pertama kemasukan ke hospital.

Kemasukan ke Hospital / Wad	Tempoh minimum kemasukan	Pelan 1	Pelan 2
Unit Rawatan Rapi (ICU)	5 hari	✓	✓
ICU + Wad Biasa	15 hari	-	✓
Wad Biasa	15 hari	-	✓

Nota:
¹ Manfaat adalah tertakluk kepada Peraturan Juvenile Lien dan Tempoh Menunggu.
² Bayaran manfaat bagi Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari dihadkan kepada 15% daripada jumlah perlindungan atau RM30,000, mana yang lebih rendah. Manfaat ini hanya boleh dituntut sekali sahaja.
³ Kelayakan untuk tuntutan manfaat ini bermula selepas tempoh satu (1) tahun daripada tarikh diagnosis Penyakit Kritikal yang telah dituntut sebelum ini, kecuali jika tuntutan adalah disebabkan perkembangan penyakit daripada Peringkat Awal kepada Peringkat Pertengahan atau Peringkat Lanjutan, atau daripada Peringkat Pertengahan kepada Peringkat Lanjutan. Tempoh menunggu ini tidak terpakai kepada Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari.
⁴ Bayaran manfaat bagi tuntutan ini dihadkan kepada RM350,000 bagi setiap tuntutan, dengan maksimum empat (4) tuntutan secara keseluruhan, sehingga RM1,000,000 bagi setiap hayat. Bagi Kanser Tiroid Peringkat Awal pula, bayaran manfaat dihadkan kepada RM175,000 bagi setiap hayat.
⁵ 100% daripada jumlah perlindungan, selepas ditolak sebarang bayaran manfaat yang telah dibayar di bawah Manfaat Penyakit Kritikal Peringkat Awal atau Peringkat Pertengahan bagi kategori Penyakit Kritikal yang sama, termasuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari.
⁶ Jumlah keseluruhan bayaran manfaat tidak melebihi 400% daripada jumlah perlindungan, termasuk sebarang bayaran manfaat yang telah dibuat di bawah Manfaat Penyakit Kritikal Berperingkat.
⁷ Kelayakan untuk membuat tuntutan di bawah manfaat ini bermula selepas tempoh dua (2) tahun daripada tarikh diagnosis keadaan yang dilindungi dan telah dituntut sebelum ini di bawah manfaat ini. Bayaran manfaat dihadkan kepada maksimum 200% daripada jumlah perlindungan, termasuk bayaran manfaat di bawah Manfaat Kanser Khusus Mengikut Jantina, dan hanya boleh dibayar sekali bagi setiap Penyakit Kritikal yang dilindungi.
⁸ Manfaat ini hanya dibayar sekali sahaja.
⁹ Bayaran manfaat bagi kategori Kanser dihadkan kepada maksimum 200% daripada jumlah perlindungan, termasuk bayaran manfaat di bawah Manfaat Penyakit Kritikal Berperingkat, Manfaat Recurrence dan Manfaat Kanser Khusus Mengikut Jantina.
¹⁰ Rider ini akan ditamatkan sekiranya jumlah bayaran manfaat melebihi 100% daripada jumlah perlindungan apabila Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 85 tahun (hari lahir yang paling hampir dengan ulang tahun polisi). Jika tidak, rider ini akan terus memberikan perlindungan sehingga 100% daripada jumlah perlindungan mulai umur 85 tahun dan ke atas.
¹¹ Manfaat ini akan tamat pada ulang tahun polisi apabila Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 85 tahun (hari lahir yang paling hampir).
¹² Kemasukan ke Wad Biasa hanya dilindungi sekiranya melibatkan pembedahan atau angkitan. Sebarang kemasukan ke hospital di bawah manfaat ini mestilah disahkan oleh Pakar Perubatan berdaftar sebagai keperluan perubahan.

SENARAI PENYAKIT KRITIKAL

YANG DILINDUNGI

No.	Kategori	Peringkat Awal (50% daripada jumlah perlindungan)	Peringkat Pertengahan (50% daripada jumlah perlindungan)	Peringkat Lanjutan (100% daripada jumlah perlindungan)
1	Serangan Jantung	Pemasangan Perentak Jantung	Pemasangan Defibrilator Jantung	Serangan Jantung – <i>keterukan tertentu</i>
2	Pembedahan Pintas Arteri Koronari	• Perikardektomi • Terapi Laser Transmiokardium	Pembedahan Pintas Arteri Koronari Secara Endoskopik / Torakoskopik Sepenuhnya	Pembedahan Pintas Arteri Koronari
3	Penyakit Arteri Koronari	Penyakit Arteri Koronari Peringkat Awal	Penyakit Arteri Koronari	Penyakit Arteri Koronari Serius
4	Kanser	• Karsinoma in situ • Kanser Prostat Peringkat Awal • Kanser Tiroid Peringkat Awal • Kanser Pundi Kencing Peringkat Awal • Leukemia Limfositik Kronik Peringkat Awal • Melanoma Peringkat Awal	Karsinoma in situ dan Kanser Peringkat Awal Lain pada Organ Tertentu yang Dirawat Melalui Pembedahan Radikal	Kanser - <i>keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal</i>
5	Pembedahan Injap Jantung	Valvuloplasti Perkutaneus	Penggantian Injap Secara Perkutaneus	Pembedahan Injap Jantung
6	Aorta	Aneurisme Aorta Besar Tanpa Gejala	Pembedahan Aorta Invasif Minimum	Pembedahan Aorta
7	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer Peringkat Awal	-	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - <i>keterukan tertentu</i>
8	Kardiomiopati	-	• Kardiomiopati Peringkat Awal • Perikarditis Konstriktif dengan Pembedahan	Kardiomiopati - <i>keterukan tertentu</i>
9	Strok / Angin Ahmar	• Pemasangan Pintas Serebrum • Pembedahan Aneurisme Otak (melalui Prosedur Endovaskular)	Pembedahan Arteri Karotid	Strok / Angin Ahmar - <i>mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Gejala Klinikal yang Berterusan</i>
10	Kelumpuhan	Hilang Keupayaan Menggunakan Satu Anggota Badan	Hilang Keupayaan Menggunakan Satu Anggota Badan dan Hilang Penglihatan pada Sebelah Mata	Kelumpuhan Anggota Badan
11	Sklerosis Multipel	Sklerosis Multipel Peringkat Awal	-	Sklerosis Multipel
12	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	-	Penyakit Alzheimer Sederhana Teruk	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk

No.	Kategori	Peringkat Awal (50% daripada jumlah perlindungan)	Peringkat Pertengahan (50% daripada jumlah perlindungan)	Peringkat Lanjutan (100% daripada jumlah perlindungan)
13	Koma	Koma selama 48 jam	Koma selama 72 jam	Koma - <i>mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Gejala Klinikal yang Berterusan</i>
14	Penyakit Parkinson	Penyakit Parkinson Peringkat Awal	Penyakit Parkinson Sederhana Teruk	Penyakit Parkinson - <i>mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>
15	Meningitis Bakteria	Meningitis Bakteria dengan Pemulihan Sepenuhnya	Meningitis Bakteria Sederhana Teruk	Meningitis Bakteria - <i>mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>
16	Tumor Otak Benigna	Pembedahan Pembuangan Tumor Pituitari menerusi Hipofisektomi Trans Sfenoideal	-	Tumor Otak Benigna - <i>keterukan tertentu</i>
17	Ensefalitis	Ensefalitis dengan Pemulihan Sepenuhnya	Ensefalitis Ringan	Ensefalitis - <i>mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>
18	Trauma Kepala Major	Kecederaan Tidak Sengaja pada Saraf Tunjang Serviks	-	Trauma Kepala Major - <i>mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>
19	Penyakit Paru-paru	• Asma Teruk • Pemasangan Penapis Vena	Pembuangan Satu Paru-Paru Menerusi Pembedahan	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir
20	Penyakit Hati	Pembedahan Hati	Sirosis Hati	Kegagalan Hati Peringkat Akhir
21	Anemia Aplastik	Anemia Aplastik Boleh Pulih	Sindrom Myelodisplastik atau Mielofibrosis	Anemia Aplastik Kronik - <i>mengakibatkan Kegagalan Sumsum Tulang Kekal</i>
22	Hepatitis Virus Fulminan	Pembedahan Rekonstruksi Saluran Hempedu	Kolangitis Sklerosis Primer Kronik	Hepatitis Virus Fulminan
23	Melecur	Melecur Tahap Ringan	Melecur Sederhana Teruk	Melecur Tahap Ketiga - <i>keterukan tertentu</i>
24	Penyakit Buah Pinggang	Pembedahan Pembuangan Sebelah Buah Pinggang	Penyakit Buah Pinggang Kronik	Kegagalan Buah Pinggang - <i>memerlukan dialisis atau pemindahan buah pinggang</i>
25	Pemindahan Organ / Sumsum Tulang	• Pemindahan Usus Kecil • Pemindahan Kornea	Pemindahan Organ Utama / Sumsum Tulang (Dalam Senarai Menunggu)	Pemindahan Organ Utama / Sumsum Tulang

No.	Kategori	Peringkat Awal (50% daripada jumlah perlindungan)	Peringkat Pertengahan (50% daripada jumlah perlindungan)	Peringkat Lanjutan (100% daripada jumlah perlindungan)
26	Distrofi Otot	Penyakit atau Kecederaan Saraf Tunjang yang Mengakibatkan Disfungsi Usus dan Pundi Kencing	-	Distrofi Otot
27	Lupus Eritematosus Sistemik	Lupus Eritematosus Sistemik Kurang Teruk	-	Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
28	Transfusi Darah	Hepatitis B atau C yang Dijangkiti Semasa Menjalankan Tugas	-	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (HIV) Akibat Transfusi Darah
29	Hilang Keupayaan Bertutur	-	Hilang Keupayaan Bertutur (selain akibat kecederaan atau penyakit pada pita suara)	Hilang Keupayaan Bertutur
30	Penyakit Sista Medulari	Glomerulonefritis dengan Sindrom Nefrotik	-	Penyakit Sista Medulari
31	Penyakit Terminal	-	-	Penyakit Terminal
32	Penyakit Neuron Motor	-	Penyakit Neuron Motor Peringkat Awal	Penyakit Neuron Motor - <i>mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Gejala Klinikal yang Berterusan</i>
33	Hilang Keupayaan Hidup Berdikari	Hilang Keupayaan Hidup Berdikari Peringkat Awal	-	Hilang Keupayaan Hidup Berdikari
34	Pembedahan Otak	Pembedahan Hematoma Subdural	-	Pembedahan Otak
35	AIDS Peringkat Lanjut	-	-	AIDS Peringkat Lanjut
36	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (HIV) yang Dijangkiti Semasa Menjalankan Tugas	-	-	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (HIV) yang Dijangkiti Semasa Menjalankan Tugas
37	Hilang Pendengaran	• Hilang Pendengaran Separa • Pembedahan Trombosis Sinus Kavarnosus	Pembedahan Implan Koklea	Pekak - <i>Kekal dan Tidak Boleh Dipulihkan</i>
38	Hilang Penglihatan	Hilang Penglihatan pada Sebelah Mata	• Retinitis Pigmentosa dengan Kerosakan • Penglihatan Teruk Atrofi Saraf Optik	Buta - <i>Kekal dan Tidak Boleh Dipulihkan</i>
39	Sindrom Eisenmenger	Sindrom Eisenmenger Kurang Teruk	-	Sindrom Eisenmenger Teruk

No.	Kategori	Peringkat Awal (50% daripada jumlah perlindungan)	Peringkat Pertengahan (50% daripada jumlah perlindungan)	Peringkat Lanjutan (100% daripada jumlah perlindungan)
40	Endokarditis Infektif	Endokarditis Infektif Sederhana Teruk	-	Endokarditis Infektif
41	Poliomielitis	Neuropati Periferi	Poliomielitis Sederhana	Poliomielitis
42	Scleroderma Progresif	Scleroderma Progresif Peringkat Awal	Scleroderma Progresif dengan Sindrom CREST	Scleroderma Progresif
43	Artritis Reumatoid Teruk	Artritis Reumatoid Ringan	Artritis Reumatoid Sederhana Teruk	Artritis Reumatoid Kronik
44	Penyakit Crohn	Penyakit Crohn Kronik	-	Penyakit Crohn dengan Fistula
45	Kolitis Ulseratif Teruk	Kolitis Ulseratif Kronik	-	Kolitis Ulseratif dengan Kolektomi Menyeluruh
46	Myasthenia Gravis	Myasthenia Gravis Kurang Teruk	-	Myasthenia Gravis
47	Atrofi Otot Progresif	Atrofi Otot Progresif Kurang Teruk	-	Atrofi Otot Progresif
48	Supranuklear Palsy Progresif	Supranuklear Palsy Progresif Peringkat Awal	-	Supranuklear Palsy Progresif
49	Hepatitis Autoimun Kronik	-	-	Hepatitis Autoimun Kronik
50	Kekurangan Adrenal Kronik	Adrenalektomi bagi Adenoma Adrenal	-	Kekurangan Adrenal Kronik
51	Osteogenesis Imperfecta	Osteoporosis dengan Keretakan Teruk [#]	-	Osteogenesis Imperfecta
52	Meningitis Tuberkulosis (Batuk Kering)	Tuberculous Myelitis	-	Meningitis Tuberkulosis (Batuk Kering)
53	Keretakan Tulang Belakang	-	-	Keretakan Tulang Belakang dalam Kemalangan
54	Sindrom Apallic	-	-	Sindrom Apallic

No.	Kategori	Peringkat Awal (50% daripada jumlah perlindungan)	Peringkat Pertengahan (50% daripada jumlah perlindungan)	Peringkat Lanjutan (100% daripada jumlah perlindungan)
55	Aneurisme Serebrum yang Memerlukan Pembedahan Otak	-	-	Aneurisme Serebrum yang Memerlukan Pembedahan Otak
56	Avulsi Akar pada Plexus Brachial Multipel	-	-	Avulsi Akar pada Plexus Brachial Multipel
57	Atresia Bilier yang Telah Menjalani Pemindahan Hati	-	-	Atresia Bilier yang Telah Menjalani Pemindahan Hati
58	Pembedahan untuk Skoliosis Idiopatik	-	-	Pembedahan untuk Skoliosis Idiopatik
59	Pankreatitis Berulang Kronik	-	Pankreatitis Nekrohemoragik Akut	Pankreatitis Berulang Kronik
60	Elefantiasis	-	-	Elefantiasis
61	Penyakit Kawasaki dengan Komplikasi	-	-	Penyakit Kawasaki dengan Komplikasi
62	Metastasis Serebrum	-	-	Metastasis Serebrum
63	Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)	-	-	Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)
64	Demam Hemoragik Ebola	-	-	Demam Hemoragik Ebola
65	Pheochromocytoma	-	-	Pheochromocytoma / Paraganglioma rembesan Katekolamin yang memerlukan Pembuangan Secara Pembedahan
66	Sindrom Nefrotik Berulangan Teruk	-	-	Sindrom Nefrotik Berulangan Teruk
67	Penyakit Wilson	-	-	Penyakit Wilson

No.	Kategori	Peringkat Awal (50% daripada jumlah perlindungan)	Peringkat Pertengahan (50% daripada jumlah perlindungan)	Peringkat Lanjutan (100% daripada jumlah perlindungan)
68	Hydrocephalus yang Memerlukan Pemasangan Kekal Pintasan Bendalir Serebrospina	-	-	Hydrocephalus yang Memerlukan Pemasangan Kekal Pintasan Bendalir Serebrospina
69	Epilepsi Teruk	-	Epilepsi Teruk	-
70	Arthritis Sistemik Kronik Kanak-kanak (Penyakit Still)	-	-	Arthritis Sistemik Kronik Kanak-kanak (Penyakit Still)
71	Demam Denggi Berdarah / Sindrom Renjatan Denggi	-	-	Demam Denggi Berdarah / Sindrom Renjatan Denggi
72	Diabetes Mellitus Bergantung kepada Insulin	-	-	Diabetes Mellitus Bergantung kepada Insulin
73	Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut dengan Komplikasi	-	-	Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut dengan Komplikasi
74	Hemofilia Teruk	-	-	Hemofilia Teruk
75	Amyotrofi Spina Juvenil Jenis I	-	-	Amyotrofi Spina Juvenil Jenis I
76	Demam Reumatik dengan Gangguan Injap Jantung	-	-	Demam Reumatik dengan Gangguan Injap Jantung

Perlindungan tambahan bagi penyakit kanak-kanak (Kategori 70 hingga 76 dalam senarai di atas) akan tamat pada ulang tahun polisi apabila Hayat Yang Diinsuranskan mencapai **umur 19 tahun** (hari lahir yang paling hampir dengan ulang tahun polisi).

Perlindungan bagi Osteoporosis Teruk dengan Keretakan Peringkat Awal (Kategori 51) akan tamat pada ulang tahun polisi apabila Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun (hari lahir yang paling hampir dengan ulang tahun polisi).

Walau bagaimanapun, bagi **Amyotrofi Spina Juvenil Jenis I** (Kategori 75), perlindungan akan tamat pada ulang tahun polisi apabila Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 21 tahun (hari lahir yang paling hampir dengan ulang tahun polisi).

Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari

No.	Kategori	15% daripada jumlah perlindungan atau RM30,000, yang mana lebih rendah
77	Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari	Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari

SOALAN-SOALAN LAZIM



Adakah saya masih memerlukan HealthCover Prime jika saya sudah mempunyai pelan perubatan yang komprehensif?

HealthCover Prime berfungsi sebagai **pengganti pendapatan** atau **sokongan kewangan** ketika anda tidak dapat bekerja atau memerlukan aliran tunai sepanjang tempoh rawatan dan pemulihan.

Pelan perubatan pula lazimnya membayar kos rawatan terus kepada hospital atau penyedia penjagaan kesihatan. Walaupun sesetengah pelan mungkin turut melindungi perbelanjaan seperti terapi tambahan atau khidmat penjagaan di rumah, ia mungkin tidak (bergantung pada terma perlindungan anda) menyediakan bayaran tunai secara sekaligus di luar kos tersebut.

Oleh itu, pelan perubatan lazimnya tidak dapat membantu menampung kehidupan anda jika anda terpaksa melalui tempoh yang panjang tanpa pendapatan.



Adakah saya perlu melalui tempoh menunggu sebelum boleh membuat tuntutan pertama?

Ya. Tempoh menunggu adalah terpakai.



Berapakah umur minimum dan maksimum untuk saya menyertai HealthCover Prime?

Syarat umur minimum dan maksimum (berdasarkan hari lahir yang paling hampir) adalah seperti berikut:

	Umur Minimum	Umur Maksimum
Hayat Yang Diinsuranskan	Sebelum Lahir: 13 minggu tempoh kehamilan Kanak-kanak / Dewasa: Berumur 15 hari	Sebelum Lahir: 36 minggu tempoh kehamilan Kanak-kanak / Dewasa: Berumur 70 tahun
Pemohon	Berumur 16 tahun	Berumur 100 tahun
Jumlah Manfaat Minimum	RM20,000	
Jumlah Manfaat Maksimum	RM650,000	
Umur Tamat Tempoh Maksimum	Polisi akan tamat tempoh apabila Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 tahun (hari lahir terdekat dengan Ulang Tahun Polisi)	

Nota:

Kelayakan untuk membuat tuntutan bagi kejadian yang dilindungi hanya bermula selepas tempoh berikut, yang dikira dari tarikh pengeluaran atau tarikh penguatkuasaan semula Rider, tarikh kuat kuasa Endorsmen bagi sebarang peningkatan atau penambahbaikan manfaat di bawah Rider, atau tarikh lahir Hayat Yang Diinsuranskan, yang mana terkemudian:

- 60 hari bagi Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari, serta Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari;
- 30 hari bagi semua Penyakit Kritikal lain yang dilindungi; dan
- 60 hari bagi sebarang kemasukan ke hospital di bawah Manfaat Catch All Booster.

Peruntukan Pengecualian

1.1 Bagi manfaat selain Manfaat Catch All Booster

1.1.1. Kontrak Tambahan ini tidak melindungi sebarang Penyakit Kritikal yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, akibat atau berpunca daripada mana-mana yang berikut:

- 1.1.1.1 sebarang penyakit atau pembedahan selain diagnosis atau pembedahan bagi Penyakit Kritikal yang dilindungi;
- 1.1.1.2 sebarang Penyakit Kritikal yang tanda atau gejalanya dikesan sebelum atau dalam Tempoh Menunggu yang berkenaan;
- 1.1.1.3 sebarang Penyakit Kritikal yang berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat Keadaan Sedia Ada yang telah wujud sebelum tarikh pengeluaran atau tarikh penguatkuasaan semula Kontrak Tambahan, atau tarikh kuat kuasa Endorsmen bagi sebarang manfaat yang baru ditingkatkan atau dinaik taraf dibawah Kontrak Tambahan, mengikut mana-mana yang terkemudian;
- 1.1.1.4 sebarang Penyakit Kritikal yang, pada pendapat Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("ALIM"), berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (HIV). ALIM berhak menghendaki Hayat Yang Diinsuranskan menjalani ujian HIV sebagai syarat sebelum sesuatu tuntutan dinilai. Pengecualian ini tidak terpakai kepada Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (HIV) akibat Transfusi Darah atau Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (HIV) yang Dijangkiti Semasa Menjalankan Tugas. Bagi tujuan Kontrak Tambahan ini:
 - 1.1.1.4.1 AIDS hendaklah mempunyai pengertian sebagaimana yang diterima pakai oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 1987 atau mana-mana semakan selepas itu; dan
 - 1.1.1.4.2 Jangkitan HIV dianggap telah berlaku apabila ujian darah atau ujian perubatan lain yang berkaitan menunjukkan kehadiran HIV atau antibodi terhadap HIV.
- 1.1.1.5 sebarang Penyakit Kritikal dalam kategori Penyakit Kritikal yang sama yang berada pada peringkat yang sama atau lebih awal daripada tuntutan yang telah diluluskan dan dibayar sebelum ini, kecuali bagi tuntutan yang boleh dibayar di bawah Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari, Manfaat Gender-Specific Cancer, Manfaat Recurrence atau Manfaat Multi-Pay;
- 1.1.1.6 sebarang Penyakit Kritikal yang didiagnosis sebagai berpunca, secara langsung atau tidak langsung, daripada kecacatan atau penyakit kongenital yang menunjukkan tanda atau gejala, atau didiagnosis, sebelum Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur tujuh belas (17) tahun;
- 1.1.1.7 sebarang Penyakit Kritikal yang berpunca daripada kecederaan yang dilakukan sendiri, sama ada Hayat Yang Diinsuranskan berada dalam keadaan waras atau tidak waras;
- 1.1.1.8 sebarang Penyakit Kritikal yang berpunca secara langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah;
- 1.1.1.9 Hayat Yang Diinsuranskan tidak hidup sekurang-kurangnya tujuh (7) hari selepas tarikh diagnosis Penyakit Kritikal Peringkat Awal; atau
- 1.1.1.10 Hayat Yang Diinsuranskan tidak hidup sekurang-kurangnya empat belas (14) hari selepas
 - 1.1.1.10.1 diagnosis Penyakit Kritikal Peringkat Pertengahan;
 - 1.1.1.10.2 diagnosis Penyakit Kritikal Peringkat Lanjutan; atau
 - 1.1.1.10.3 menjalani Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari.

1.2 Bagi manfaat Catch All Booster sahaja

1.2.1. Kontrak Tambahan ini tidak akan membayar sebarang manfaat bagi mana-mana kemasukan ke hospital yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, akibat atau berpunca daripada mana-mana yang berikut:

- 1.2.1.1 keadaan Sedia Ada;
- 1.2.1.2 sebarang Hilang Upaya yang berlaku dalam Tempoh Menunggu, kecuali akibat kemalangan;
- 1.2.1.3 sebarang pembedahan atau rawatan yang berkaitan dengan pembedahan plastik atau tujuan kosmetik, berkhatan, pemeriksaan mata, cermin mata, pembetulan refraksi atau pembedahan bagi membetulkan rabun jauh (Radial Keratotomy atau LASIK), termasuk sebarang preskripsi yang berkaitan dengannya;
- 1.2.1.4 sebarang masalah pergigian, termasuk rawatan pergigian atau pembedahan mulut, kecuali jika diperlukan akibat Kecederaan Akibat Kemalangan yang menjejaskan gigi asli yang sihat dan berlaku dalam tempoh perlindungan;
- 1.2.1.5 sebarang Hilang Upaya yang berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat penjagaan kejururawatan persendirian, rawatan pemulihan atau rawatan di sanatorium;
- 1.2.1.6 sebarang Hilang Upaya yang berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat penyalahgunaan dadah atau alkohol dengan secara sengaja, penggunaan dadah haram, keadaan mabuk, pensterilan, penyakit kelamin serta komplikasi yang berpunca daripadanya;
- 1.2.1.7 sebarang Hilang Upaya yang berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), AIDS Related Complex (ARC), penyakit berkaitan HIV, atau penyakit berjangkit yang diwajibkan menjalani kuarantin di bawah undang-undang, kecuali Jangkitan HIV akibat Transfusi Darah dan Jangkitan HIV yang Dijangkiti Semasa Menjalankan Tugas;
- 1.2.1.8 Kehamilan, kelahiran anak (termasuk kelahiran melalui pembedahan), keguguran, pengguguran kandungan, penjagaan sebelum atau selepas bersalin, kaedah pencegahan kehamilan secara pembedahan, mekanikal atau kimia, rawatan bagi ketidaksuburan atau disfungsi ereksi, serta ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan;
- 1.2.1.9 Kemasukan ke hospital yang bertujuan terutamanya untuk siasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau pemeriksaan perubatan am, dan bukan sebagai sebahagian daripada rawatan atau diagnosis bagi Hilang Upaya yang dilindungi; rawatan yang tidak Diperlukan Dari Segi Perubatan; rawatan, ubat-ubatan atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Doktor; serta rawatan khusus untuk mengurangkan atau menambah berat badan dan hiperhidrosis;
- 1.2.1.10 Bunuh diri, cubaan membunuh diri atau kecederaan yang disengajakan ke atas diri sendiri, sama ada Hayat Yang Diinsuranskan waras atau tidak waras;
- 1.2.1.11 Peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, kegiatan jenayah atau keganasan, perkhidmatan aktif dalam mana-mana angkatan tentera, atau penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan, kekacauan awam atau pemberontakan;
- 1.2.1.12 Sinaran mengion atau pencemaran akibat radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear hasil proses pembelahan nuklear, atau daripada sebarang bahan senjata nuklear;
- 1.2.1.13 Kemasukan ke hospital, rawatan atau pembedahan bagi tujuan pendermaan mana-mana organ oleh Hayat Yang Diinsuranskan; kos mendapatkan organ berkenaan, termasuk segala kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ serta komplikasi yang berkaitan dengannya;

- 1.2.1.14 Pemeriksaan dan rawatan bagi gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon, serta rawatan alternatif, termasuk tetapi tidak terhad kepada akupresur, refleksologi, rawatan tulang, rawatan herba, urutan, aromaterapi atau lain-lain rawatan alternatif;
- 1.2.1.15 Jatuh Sakit atau kecederaan yang berpunca daripada penyertaan dalam sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan larian), sukan berbahaya termasuk tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti bawah air yang memerlukan alat bantuan pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional atau aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- 1.2.1.16 Hilang Upaya yang berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat perbuatan yang menyalahi undang-undang, serangan yang diprovokasi, penglibatan secara sengaja dalam keganasan, atau pendedahan secara sengaja kepada bahaya atau risiko, kecuali jika pendedahan tersebut berlaku sebagai sebahagian daripada aktiviti harian yang biasa;
- 1.2.1.17 Penerbangan persendirian, kecuali sebagai penumpang dalam penerbangan komersial berjadual yang dilesenkan untuk membawa penumpang melalui laluan yang ditetapkan;
- 1.2.1.18 Hilang Upaya yang berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat pembedahan penukaran jantina;
- 1.2.1.19 Hilang Upaya yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada rawatan penyakit jangkitan seksual;
- 1.2.1.20 Rawatan atau teknik perubatan atau pembedahan yang bersifat eksperimen, penggunaan peranti perubatan yang belum diluluskan, serta ujian klinikal bagi produk perubatan, sama ada mempunyai sijil ujian klinikal atau tidak;
- 1.2.1.21 gangguan psikologi, gangguan personaliti, keadaan mental atau gangguan tingkah laku, termasuk sebarang ketagihan atau kebergantungan yang timbul daripada gangguan ini seperti ketagihan berjudi atau ketagihan permainan video;
- 1.2.1.22 sebarang rawatan atau pembedahan bagi keadaan yang berkaitan dengan kelahiran pramatang dan penyakit kuning neonatal;
- 1.2.1.23 sebarang rawatan atau pembedahan bagi kecacatan atau penyakit kongenital yang telah menunjukkan gejala atau didiagnosis sebelum Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur tujuh belas (17) tahun;
- 1.2.1.24 Rawatan perubatan yang dijalani di luar negara, kecuali rawatan yang dijalani di Singapura dan Brunei.

Nota-Nota Penting

1. Risalah ini disediakan untuk tujuan ilustrasi sahaja. Maklumat yang terkandung di dalamnya bukanlah menyeluruh atau lengkap. Sila rujuk kepada Lembaran Pendedahan Produk (PDS) dan Ilustrasi Jualan (SI) untuk maklumat lanjut. Kedua-dua PDS dan SI boleh diperoleh daripada ejen perkhidmatan anda.
2. Kadar COI yang perlu dibayar tidak dijamin dan tertakluk kepada semakan semula dari semasa ke semasa. Sebarang pelarasan kadar COI, jika ada, bertujuan untuk mencerminkan pengalaman tuntutan kami. Senarai ini bukanlah senarai yang lengkap dan kadar COI juga boleh disemak semula atas sebab-sebab munasabah yang lain. Perubahan sedemikian, jika ada, hendaklah terpakai kepada semua Pemilik Polisi tanpa mengambil kira tempoh polisi dan pengalaman tuntutan mereka. Kami berhak untuk menyemak semula kadar, manfaat, terma dan syarat, dan anda akan dimaklumkan tentang semakan tersebut sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum ulang tahun polisi yang seterusnya.
3. Anda hendaklah memastikan bahawa produk ini memenuhi keperluan anda dan kadar COI bagi produk ini mampu dibayar oleh anda. Anda boleh membatalkan produk ini dengan mengemukakan permohonan bertulis kepada Allianz serta memulangkan Kontrak Tambahan ini kepada kami dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh anda menerima Kontrak Tambahan ini. Amaun yang akan dipulangkan di bawah produk ini ialah kadar COI yang telah ditolak bagi produk ini, selepas ditolak sebarang perbelanjaan pemeriksaan perubatan yang telah ditanggung oleh kami.
4. Cukai kerajaan yang berkenaan hendaklah ditambah sekiranya Pemilik Polisi ialah sebuah organisasi perniagaan atau sekiranya Polisi diserahkan hak secara mutlak kepada sebuah organisasi perniagaan, jika berkenaan. Cukai kerajaan yang berkenaan adalah berdasarkan kadar semasa dan tertakluk kepada perubahan selaras dengan undang-undang Malaysia.

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad

198301008983 (104248-X)

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena
Aras Bawah, Blok 21, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral 50470 Kuala Lumpur.

Pusat Perhubungan Allianz: 1 300 22 5542

E-mel: customer.service@allianz.com.my

  AllianzMalaysia

  allianz.com.my